

NO. SOALAN: 413

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

RUJUKAN : 10155

SOALAN :

Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos yang telah di belanjakan oleh Kerajaan untuk peningkatan kawalan dan keselamatan sempadan pintu-pintu masuk negara bagi mengelakkan berlakunya isu penyeludupan barang serta permerdagangan manusia dan nyatakan tempoh Kerajaan akan melaksanakan atau menjalankan operasi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan kerjasama strategik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana anggota ATM dan PDRM bekerjasama dalam melaksanakan kawalan dan operasi di sempadan Malaysia-Thailand.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang ditubuhkan melalui naik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Malaysia adalah salah satu inisiatif yang telah diambil Kementerian Dalam Negeri bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan Negara di sempadan darat negara. AKSEM yang terdiri daripada gabungan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas dilihat dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan, holistik dan bersepadu dalam membendung jenayah rentas sempadan di sempadan Malaysia – Thailand.

Bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh AKSEM adalah melibatkan aktiviti seperti risikan, serbuan, tangkapan, sekatan jalan raya tetap (*static*) dan tidak tetap (*mobile*) serta rondaan di

kawasan sempadan Malaysia – Thailand. Semua dapatan yang terhasil daripada operasi yang dilaksanakan seperti tangkapan pesalah dan rampasan barangan yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan akan diserahkan kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan mengikut peruntukan undang-undang serta peraturan yang berkaitan bagi tujuan siasatan lanjut dan pendakwaan.

Bacaan kali kedua Rang Undang-undang AKSEM 2017 yang akan dibentangkan pada sidang parlimen pada kali ini akan membuka ruang kepada AKSEM untuk bergerak lebih maju ke hadapan di dalam mengawal sempadan darat negara. Pada ketika ini, inisiatif telah diambil oleh AKSEM di mana satu draf *Standard Operating Procedure (SOP)* Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) telah disediakan bagi menyelaraskan operasi penguatkuasaan agensi-agensi yang bertanggungjawab di sempadan darat negara. SOP ini kelak akan menjadi panduan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam usaha menangani jenayah rentas sempadan. Ini juga adalah salah satu persediaan untuk AKSEM diperluaskan ke sempadan darat negara di Sabah dan Sarawak secara berfasa menjelang tahun 2020 dalam usaha meningkatkan kawalan sempadan negara secara keseluruhannya.

SOALAN (414)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah jumlah kos perkhidmatan-pengurusan sistem saliran dan perparitan yang khususnya di negeri Perlis dan apakah usaha-usaha yang perlu diambil oleh Kerajaan dalam merencanakan pelan secara menyeluruh bagi mengelakkan berlakunya seperti banjir kilat akibat sistem perparitan yang tidak diselenggarakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengurusan sistem saliran dan perparitan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa PBT masing-masing.

Bagi membantu mengurangkan kesan banjir kilat ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan Projek Pembangunan BP.1 di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi skop infrastruktur seperti membina dan menaiktaraf parit atau longkang pada setiap tahun.

Pada tahun 2017, KPKT telah menyediakan peruntukan sebanyak RM185,000.00 untuk melaksanakan 3 projek di Negeri Perlis iaitu:

- i. Menaiktaraf longkang dan laluan pejalan kaki di Arked Niaga Padang Besar, Perlis berjumlah RM105,000.00;

- ii. Menaiktaraf longkang di bahagian belakang kawasan Gapura Square, Padang Besar, Perlis berjumlah RM60,000.00; dan
- iii. Menaiktaraf Longkang Taman Sri Manis, Perlis berjumlah RM20,000.00.

Pelaksanaan projek-projek ini adalah bagi mengurangkan kesan banjir di negeri Perlis.

Selain itu, KPKT juga menyarankan agar PBT melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan kejadian banjir kilat seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kawasan iaitu parit, longkang, pemetung dan kolam takungan yang berisiko yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- ii. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti:

- Membuang kekotoran atau longgokan sampah dalam parit atau *sump*;
 - Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
 - Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembedung yang rosak atau menaiktaraf parit yang berisipadu rendah.
- iii. Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pembedung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan jabatan / agensi teknikal yang berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. SHAHRUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

SOALAN : 415

Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah statistik terkini kes penipuan kereta klon yang telah di laporkan dan berapakah jumlah kenderaan keluar masuk melalui pintu sempadan negara dengan Thailand di Bukit Kayu Hitam.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, sebanyak 3,057 kereta klon telah disita oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di seluruh negara dari 2016 sehingga Julai 2017. Bagi membanteras perkara ini, Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan pendaftaran asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit* (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017 dan fasa 2 untuk sempadan Malaysia-Thailand bermula awal tahun 2018.

Berdasarkan rekod kenderaan keluar masuk melalui pintu sempadan negara dengan Thailand di Bukit Kayu Hitam, permohonan *International Circulation Permit* (ICP) pada tahun 2016 ialah 36,837 permohonan manakala pada tahun 2017 sehingga bulan Jun adalah sebanyak 18,737 permohonan.